

(A) Said, A. Samad.

Sasterawan

Antara Resah Yang Bahagia Dan Duka Yang Indah

A. Samad Said

SAYA sebenarnya amat khuatir untuk mencanangkan sesuatu landas, kerana canang peribadi biasanya canang angkuh. Apalagi setiap kali kita menulis kita sebenarnya sudahpun menyingkap diri. Dan biasanya akan ada kecenderungan untuk banyak menjulang egoisme sendiri.

Dalam hubungan ini sebenarnya ada dua cara: Satu, mengumumkan satu idea besar yang biasanya tidak mesti akan terisi; satu lagi, cukup sekadar menjengah sejarah sebagai landas bagi membangunkan semula dunia mutakhir yang sekira-kira difahami. Dan saya serasi dengan jalan yang kedua ini.

Seorang ilmuwan yang progresif menganjurkan supaya ditulis 'history of society', bukan 'history of important people'. *Emphasis* lama itu salah, katanya. Sejarah bukan himpunan benda-benda yang besar melulu. Memang kebetulan itulah juga *emphasis* dan *essence* karya saya — tentunya dengan beberapa kekurangannya.

Memang kita boleh menampal atau menyangkutkan pelbagai label, pelbagai tafsiran besar yang tak tercapaian. Tapi, hakikatnya, kita sebagai manusia dan sebagai insan seni biasanya sentiasa tumbuh — dicabar oleh tuntutan-tuntutan tertentu sesuatu era. Dalam dekad bangsawan sasterawan adalah perakam kegemilangan hidup golongan atasan. Sastera adalah rakaman dunia manusia-manusia besar, peristiwa-peristiwa besar, kekaguman-kekaguman besar. Dalam dekad membangun ini sastera adalah rakaman manusia-manusia biasa, peristiwa-peristiwa berjejak, kekaguman-kekaguman berdasar.

Secara alami, sastera adalah rakaman dan renungan interaksi insan seni dengan masyarakat dan masalah mereka. Setiap karya yang

tercipta, sedikit sebanyak, mendekati insan seni itu kepada sebahagian kecil cakerawala Tuhan yang maha luas, di samping mengakrabkannya dengan sesama makhluk yang sama-sama mencari dan sama-sama menikmati dan sama-sama terhukum oleh getir dan getar kehidupan.

MEMANG sastera tidak boleh mendadak memberi beras, tetapi tanpa mendampinginya, nasi yang dikunyah tidak pula dapat terisi khasiat bagi kewarasan dan kesegaran minda manusia. Pada dasarnya, sastera menemukan moral — yang jujur, subur; yang palsu, lesu. Dan sastera sentiasa mendaki puncak. Dan puncaknya, sastera mencapai kepada martabat seni sesyahdunya

.....seniman berjanji dalam sepi, menghantar isyarat-isyarat seni, dan membiarkan janji itu rendang dalam rohani pembacanya."

— dan seni adalah keindahan, adalah hati nurani, adalah keadilan, adalah ketakwaan. Dan seni juga adalah kewarasan, adalah kebijaksanaan, adalah tazkiyah. Atau setidaknya, seni adalah satu janji bahagia yang jasmaniah wajahnya, yang rohaniah hatinya. Segala-gala ini adalah baja bagi minda dan nurani manusia.

Dalam dekad 50-an saya berkata: 'Kira ribut mendurja mengancam tanah yang indah/setapak tiada kurela untuk melutut kecewa/biar peluru selaksa mendendam liar mangsanya/untuk kekasih pusaka matiku tetap rela.' Dalam dekad 60-an saya masih berkata: 'Demokrasi ini mesti/berlanjut bersama anak yang lahir/di pondok merkah, bermain dalam perahu,/mengidam di

istana dan dewasa di tepi sawah,/ demokrasi ini bernafas, dan semua merasakan/musim nikmat haknya....' Dalam dekad 70-an saya mula lebih berjejak atas realitas, sesekali kembali ke rimba kenangan. Dan dalam dekad 80-an, saya belajar bertelagah untuk menemukan kewarasan inti kehidupan semasa. Dan kata saya: 'Setiap yang benar/betapa ditekan/tetap menjalar,/tanpa dibaja,/kan tetap mekar,/tanpa udarapun/kan tetap segar.'

Oleh latar dan pengaruhnya itu, oleh sastera mesti khasiat batiniah dan minda manusia, maka tentu saja ada pihak yang ingin sastera duduk di bawahnya. Ahli pelbagai bidang menuntut insan seni menjadi wira serba boleh. Ahli politik memujukannya menjadi penyorong adicita tertentu; pejuang alam sekitar mendesaknya menjadi siren gerakannya; ahli sosiologi merasa insan seni perlu membedah tabii manusia. Dan lain-lain... dan lain-lain.


Ini agak keterlaluan. Sebab, nyatanya di samping ada Ananta Toer di Indonesia, ada pula Umar Khayam — yang seorang gerak adicitawan, yang seorang lagi gerak seniman; di samping ada Yukio Mishima di Jepun, ada pula Yasunari Kawabata — yang seorang sekeras tentera, yang seorang selembut dara; di samping ada Gunter Grass aktivis yang pahit di Jerman, ada pula Henrich Boll yang legit berseni; di samping ada Shahnun Ahmad yang sinis menyiat di negeri ini, ada pula Usman Awang yang lembut menggugat. Contoh-contoh ini sekadar bayangan bahawa seniman tidak semestinya keras dan beradicitanya saja. Dunianya alam dan makhluknya. Dan insan seni perlu setia kepada daerah yang manjur yang terdaya diangkatnya. Sebaik-baik dia sempat dan mampu membidani kehidupan seinsani dan sefalsafi mungkin,

sebaik-baik dia bukan menjuarai kezaliman dan kepalsuan, dia sudah mengisi sebahagian penting tugas dan amanah seninya. Dan tentu saja insan seni tetap mendasarkan segala pada kebenaran, kejujuran dan keindahan.

AHLI politik selalunya hanya menghargai sastera yang instrumental — sastera sebagai alat politik, bukan sebaliknya. Sastera yang tidak memperjuangkan sesuatu adicita politik tertentu bukan sastera yang baik baginya. Tapi, seniman tahu bila dia patut menyokong siapa atau apa — jika dia merasa perlu — berdasarkan landas hati nuraninya yang bersih, mindanya yang jernih. Jika dia menyokong seseorang pemimpin, sokongannya sokongan yang padu — bukan melulu kerana pemimpinnya, tapi lebih kerana unsur murni dan manfaat yang diperjuangkan seseorang pemimpin itu. Berkisah daripada unsur itu, seniman berhak berubah sikap juga.

Seperti pemimpin politik, seniman juga berjanji. Tapi, dia tidak terpaksa berjanji sebesar dan senyaring mungkin. Seniman berjanji dalam sepi, menghantar isyarat-isyarat seni, dan membiarkan janji itu rendang dalam rohani pembacanya, biar betapa rinci pun rohani itu. Jika janji politik lebih janji jasmaniah, janji seniman lebih janji rohaniah. Dengan begitu, politik menghadihkan, sastera menghikmahkan.

Namun ada yang berfikir bahawa insan seni itu pengkhayal — lebih dalam buana imaginasi daripada dalam bumi realitas. Malah ada juga yang menyangka sasterawan gemar menangkap dunia absurditas atau terkadang-kadang ghairah dengan kekejaman. Yang nyata, memang sukar dibataskan di mana berakhirnya realitas dan di mana bermulanya imaginasi. Sasterawan masuk ke dalam dunia imaginasi sebenarnya untuk melihat kemungkinan realitas, dan berada di dunia realitas pula untuk menduga kemungkinan imaginasi. Dan dunia sasterawan itu biasanya di ufuk marginalitas ini — sebentar dia tercungap dalam bumi realitas, dan sebentar pula di persimpangan marginalitas. Dan di



“Insan seni perlu setia-kepada daerah yang menjur yang terdaya diangkatnya”

antara cungkapan dan kelembasan itu, di antara kerinciannya dalam realitas, imaginasi dan marginalitas itu, berhenihlah karya-karyanya. Dan yang nyata juga seniman tulen biasanya merakamkan absurditas kerana ingin menemukan kewarasan; merakamkan kekejaman kerana ingin menemukan kemanusiaan. Kerana itu, setiap larik pengalaman — yang duri, yang pertama; yang benci, yang cinta — sama-sama berguna baginya.

BAGI saya, menulis itu resah yang bahagia, duka yang indah. Dan saya hanya ingin menulis sebahagian daripada hidup, ‘a slice of life’, meninggalkannya sebagai cermin dan telaga pengalaman, mengharapkannya dapat menjadi khazanah hikmah yang tolong mengertikan kita akan sedetik daripada zaman yang sedang kita lalui. Jika terserempak akan cermin, ternampaklah imbas wajah kita; jika terjatuh ke dalam telaga, terteguklah air pengalaman. Barangkali daripadanya dapat kita menangguk pengajaran, mencecap keindahan, memetik kebijaksanaan. Memang hasil seni itu meluas hidup, mengajar, indah, meninggalkan gugus hikmah.

Dan ini — sebahagian besar ini — hanyalah impian muluk setiap insan seni yang biasanya hanya sempat dicapainya setelah dirinya gaek dan berada di akhir pengembaraan hidupnya. Tapi, bagi insan seni ini masih tidak sesuatu yang merugikan.

Sebab, di samping pentingnya matlamat itu, berjalan ke suatu matlamat itu juga amat berharga baginya. Kerana, perjalanan itu memungkinkannya berhadapan dengan pelbagai realitas hidup. Dan perjalanan itu juga merangsangnya ke dunia imaginasi. Dan di antara perjalanan yang bersimpang itu, seniman menemui keindahan dan kejelekan. Sedikit demi sedikit, dia mendapati bahawa kenyataan selalu mengerikan, sementara impian selalu menyamakan. Lalu dia lebih terdorong ke impian.

Dan akhirnya, saya kira kerajaan kita amat perasa — tidak kiralah siapa negarawan utama sebenarnya yang begitu yakin menangani anugerah ini. Tapi, insya-Allah, niat yang suci ini akan berbalas dan akan mengangkat negarawan itu menjadi lebih disegani, lebih bijaksana, lebih bahari dan lebih bermaruah. Dan saya sendiri pun telah banyak dilimpahi manfaat semurni ini — Anugerah Pejuang Sastera, Anugerah Penulis Asia Tenggara dan kini Anugerah Sasterawan Negara. Olehnya, saya ingin mengakhiri ucapan ini dengan kata-kata Ariff dalam novel saya *Langit Petang*: Tuhan, “terlalu banyak yang Kau anugerah, terlalu sedikit yang dapat kubalas. Maafkan aku, Tuhan.”

Dan dengan segala rendah hati, dan rasa tanggungjawab yang berat, serta rasa kekerdilan di hadapan Allah, saya menerima anugerah ini.